

## SURAH MENGHARAMKAN



Surah: 66 Juzuk: 28 Bil. Ayat: 12

*Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah,  
lagi Maha Mengasihani.*

1. Wahai Nabi! Mengapa engkau mengharamkan apa yang telah dihalalkan oleh Allah bagimu (kerana) engkau hendak mencari keredaan isterimu? Dan (ingatlah) Allah itu Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani.
2. Sesungguhnya Allah telah memfardhukan untuk kamu membebaskan diri daripada sumpah kamu (dengan membayar kafarah). Dialah Pelindung kamu, dan Dia Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana.
3. Dan ketika nabi memberitahu sesuatu perkara secara rahsia kepada salah seorang daripada isteri-isterinya. Lalu apabila isterinya menceritakan rahsia tersebut (kepada seorang madunya), dan Allah memberitahu hal itu kepada nabi, lalu nabi memberitahu kepadanya sebahagian (daripada rahsia yang telah dibukanya) dan tidak memberitahu yang sebahagian lagi. Setelah nabi memberitahu hal itu kepada isterinya, isterinya bertanya: «Siapakah yang memberitahu hal ini kepadamu?

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

يَا أَيُّهَا الَّذِي لَمْ يُخْرِجْ مَا أَحْلَ اللَّهُ لَكَ تَبَغِي  
مَرْضَاتٍ أَزْوَاجَكَ وَاللَّهُ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿١﴾

فَدَفَرَضَ اللَّهُ لَكُوكْتَحْلَةً تِيمَنْ كَوْهُ وَاللَّهُ مُوَلَّ كَوْهُ وَهُوَ  
الْعَلِيمُ الْحَكِيمُ ﴿٢﴾

وَإِذَا سَرَّ اللَّهُ إِلَى بَعْضِ أَرْوَاحِهِ حَدَّيْشَ فَلَمَّا  
نَبَأَتْ بِهِ وَأَظْهَرَ اللَّهُ عَلَيْهِ عَرَفَ بَعْضَهُ  
وَأَغْرَضَ عَنْ عَصْبَرٍ فَلَمَّا نَبَأَهَا لِهِ قَالَ مَنْ مَنَّ أَبْنَائَكَ  
هَذَا قَالَ نَبَأَنِي الْعَلِيمُ الْخَيْرُ ﴿٣﴾

«Nabi menjawab: «Aku diberitahu oleh (Allah) Yang Maha Mengetahui lagi Maha Mendalam PengetahuanNya».

4. Jika kamu berdua(isteri nabi) bertaubat kepada Allah, kerana sesungguhnya hati kamu berdua telah condong (kepada perkara yang menyusahkan nabi), dan jika kamu berdua saling membantu untuk menyusahkannya, maka sesungguhnya Allah adalah Pelindungnya dan Jibril serta orang yang soleh di kalangan orang yang beriman dan para malaikat juga adalah penolongnya.
5. Moga-moga sekiranya nabi menceraiakan kamu, Dia (Allah) akan menggantikan baginya isteri yang lebih baik daripada kamu, yang patuh, beriman, taat, bertaubat, tetap beribadat, berpuasa, janda mahupun yang gadis.
6. Wahai orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu daripada api neraka yang bahan bakarnya adalah manusia dan batu (berhala). Neraka itu dikawal oleh para malaikat yang keras dan kasar, yang tidak menderhaka kepada setiap perintahNya dan mereka pula tetap melakukan apa yang diperintahkan.

إِن تُوْبَا إِلَى اللَّهِ فَقَدْ صَعَّبَتْ فُلُونِكُمَا وَإِنْ  
تَظَاهِرَ عَلَيْهِ فَإِنَّ اللَّهَ هُوَ مَوْلَاهُ وَجِيرُ  
وَصَلِيْحُ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمَلَكِ كَهْ بَعْدَ ذَلِكَ  
ظَاهِرٌ

عَسَى رَبُّهُ إِن طَلَقْتُمْ أَن يُنْدِلُهُ وَأَرْجَاهِيرَ  
فَنَكُنْ مُسْلِمَتِي مُؤْمِنَتِ فَلَيَشَتِّتْ تَبَيَّنَتِ عَيْدَاتِ  
سَيِّحَاتِ تَبَيَّنَتِ وَأَنْكَارًا

يَنَّا يَهُ الَّذِينَ إِمَّا مُنْفَأُوا فِي النُّسُكِ وَأَهْلِيَّتُمْ  
نَارًا وَفُودُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ عَلَيْهَا  
مَلَكِيَّتُهُ غَلَاظٌ شَدَادٌ لَا يَعْصُونَ اللَّهَ  
مَا أَمْرَهُمْ وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمِرُونَ

7. (Malaikat berkata): «Wahai orang yang kafir! Janganlah engkau memberikan alasan pada hari ini, sesungguhnya kamu akan dibalas mengikut apa yang kamu telah lakukan».
8. Wahai orang yang beriman! Bertaubatlah kepada Allah dengan «Taubat Nasuha», moga-moga Tuhan kamu akan menghapuskan kesalahan kamu dan memasukkan kamu ke dalam syurga-syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai. Pada hari ketika Allah tidak akan menghinakan nabi dan orang yang beriman bersama-sama mereka, cahaya (iman) mereka memancar di hadapan dan di sebelah kanan mereka sambil mereka berkata (ketika orang munafik meraba-raba dalam gelap-gelita): «Wahai Tuhan kami! Sempurnakanlah bagi kami cahaya kami, dan ampunkanlah kami. Sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas setiap sesuatu».
9. Wahai nabi! Berjihadlah (menentang) orang kafir dan orang munafik, serta berkeraslah terhadap mereka. Dan tempat mereka ialah neraka Jahannam, dan itulah seburuk-buruk tempat kembali.
10. Allah mengemukakan satu perumpamaan untuk orang kafir iaitu perihal isteri Nuh

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ كَفَرُوا لَا تَعْتَذِرُوا إِلَيْهِمْ إِنَّمَا  
يُخْزَنُونَ مَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿٧﴾

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَوْلَاهُ إِلَّا لَهُ تَوْبَةٌ  
نَصْوَحًا غَاسِيَ بِكُلِّ أَنْ يَكْفِرَ عَنْهُ  
سَيْقَاتِكُمْ وَيُدْخِلَكُمْ جَنَّاتٍ بَخْرَى  
مِنْ نَحْنُ هُنَّ الْأَنْجَدُونَ لَا يُخْزِي اللَّهُ النَّاسَ  
وَالَّذِينَ آمَنُوا مَعْهُ بُوْرُهُمْ يَسْعَى بَيْنَ  
أَيْدِيهِمْ وَبِأَيْمَانِهِمْ يَقُولُونَ رَبَّنَا أَشْتَمُّ  
نُورَنَا وَأَغْفَرْنَا إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ  
قَدِيرٌ ﴿٨﴾

يَا أَيُّهَا الَّذِي جَاهَدَ الْكُفَّارَ وَالْمُنَافِقِينَ  
وَأَعْلَمَ عَلَيْهِمْ وَمَا وَهُمْ جَاهِدُهُ وَبَنِسَ  
الْمَصِيرُ ﴿٩﴾

ضَرَبَ اللَّهُ مَثَلًا لِلَّذِينَ كَفَرُوا أَمْرَاتٌ فُوجِ  
وَأَمْرَاتٌ لُوطٌ كَانَتَا تَحْتَ عَبْدَيْنِ مِنْ

dan Lut. Mereka berdua berada di bawah jagaan dua orang hamba yang soleh daripada hamba Kami, namun mereka mengkhianati suami masing-masing. Maka kedua-dua suami mereka tidak dapat memberikan sebarang pertolongan kepada mereka daripada (azab) Allah, dan dikatakan kepada mereka berdua (pada hari pembalasan): «Masuklah kamu berdua ke dalam neraka bersama-sama orang yang masuk (ke situ)».

- 11.** Dan Allah juga mengemukakan satu perumpamaan kepada orang yang beriman iaitu perihal isteri Firaun, ketika dia berkata: «Wahai Tuhanaku! Binalah untukku sebuah rumah di sisiMu di syurga, dan selamatkanlah aku daripada Firaun dan perbuatannya, serta selamatkanlah aku daripada kaum yang zalim»;
- 12.** Dan juga Maryam puteri Imran yang telah memelihara kehormatannya, maka Kami perintahkan Jibril meniupkan roh (ciptaan) Kami ke dalam rahimnya, dan dia mengakui kebenaran kalimah Tuhananya serta kitab-kitabNya, dan dia menjadi orang yang paling taat.

عَبَادَتَا صَلِحَّيْنِ فَخَانَتَا هُمَّا فَتَرَكْنَا  
عَنْهُمَا مِنَ الْأَنْشَاءِ أَوْ قَبْلَ أَجْمَعِ الْأَنَارَ  
مَعَ الْأَدَارِيَّيْنِ ﴿١٠﴾

وَصَرَبَ رَبُّ الْأَنْشَاءِ مُثَلَّكَ لِلْأَيْرَبِ ءَامِنُوا  
أُمَرَّاتٍ فِرْعَوْنَ إِذَا قَاتَ رَبِّ أَيْرِبِ  
عِنْدَكَ بَيْتًا فِي الْجَنَّةِ وَجَنَّى مِنْ فِرْعَوْنَ  
وَعَمَلَهُ وَجَنَّى مِنْ الْقَوْمِ الظَّالِمِيَّيْنِ ﴿١١﴾

وَمَرِيمٌ بَنْتَ عَمْرَنَتْ أُلَيْ أَحْصَنَتْ  
فَرْجَهَا فَغَنَّافِيَهُ مِنْ رُؤْسَنَا وَصَدَّقَتْ  
بِكَلِمَتِ رَبِّهَا وَكُنْتِهِ وَكَانَتْ مِنَ  
الْقَدِنِيَّيْنِ ﴿١٢﴾